

→ PENDIDIKAN

Rosli bersama buku panduan UMP Advanced ketika ditemui di pejabatnya di UMP Kampus Pekan, semalam.



(FOTO SHAHRINNAH LATIH/BH)

UMP Advanced tawar dua program baharu

➤ Pengajian secara fleksibel memudahkan pelajar bekerja ikuti kuliah hujung minggu

Oleh Shahrinnah Latih
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi anak syarikatnya, UMP Advanced bakal menawarkan dua program pengajian baharu kepada orang ramai, terutama pekerja yang ingin menambungkan pengajian ke tahap lebih tinggi. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof Datuk Dr Rosli Mohd Yunus, berkata dua program baharu berkenaan adalah Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal) dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan).

Keduanya, dua program itu dilaksanakan secara fleksibel dengan kuliah akan diadakan pada Sabtu dan Ahad setiap minggu serta hanya mengambil masa tiga tahun untuk diselesaikan, tertakluk kepada pengecualian jam kredit yang diperoleh pemohon. "Program ini adalah se-

pernah masa tetapi dijalankan dalam mood yang lebih fleksibel, ia sangat bersesuaian untuk golongan yang sudah bekerja dan tidak mempunyai masa untuk menyambung pelajaran ke tahap lebih tinggi.

"Kelebihan program Ijazah Sarjana Muda ini adalah mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional lain," katanya ditemui di pejabatnya di UMP Kampus Pekan, di sini, semalam.

Peluang tambah kemahiran

Rosli berkata, program itu juga bagi memberi peluang kepada warga kerja yang ingin menambah kemahiran dan meningkatkan kelayakan akademik ke peringkat lebih tinggi serta mahu mengubah taraf sosioekonomi.

"Memang program yang dilaksanakan seperti ini mendapat permintaan tinggi daripada pekerja, sebab itu kita buka peluang ini kepada mereka.

"Ini juga selari dengan hasrat kerajaan mahu memperluaskan akses pe-

luang pendidikan kepada kumpulan sasaran, sehinggalah dapat meningkatkan taraf pendidikan rakyat, terutama bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)," katanya.

Boleh mohon IPTPN

Bellau berkata, untuk peringkat awal pelaksanaan kuliah bagi program ini akan dilaksanakan di UMP kampus Gambang dan pelajar boleh memohon pembiayaan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) serta badan pembiayaan berkaitan.

"Syarat minimum kemasukan ke program ini mesti memiliki diploma atau setaraf dalam bidang berkaitan dengan CGPA 2.30 ke atas dan dua tahun pengalaman bekerja," katanya.

Bellau berkata, sesi pengambilan pertama akan dilaksanakan pada sesi kemasukan September ini.

"Permohonan adalah secara dalam talian dan calon boleh layari laman web umpadvanced.ump.edu.my atau hubungi 012-6760001 atau 012-6523001 untuk pertanyaan lanjut," katanya.

(FOTO HBSAN UMP)



Kuliah dua program baharu dilaksanakan di UMP Kampus Gambang.